

Index
No.

					-	
--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/1

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 1

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.




This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab dua soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



The image shows a screenshot of an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, trash, mail, star, lock, reply, forward, and print. Below the toolbar, the email header information is displayed in rounded rectangular boxes: 'Kepada: ahmad-albab@gmail.com', 'Daripada: zar-ismail@pintar.com', and 'Subjek: Keadaan Cuaca'. The date 'Tarikh: 7 November 2019' is shown below the header. The body of the email contains a message from Zar Ismail to Ahmad, discussing the weather in Malaysia and Singapore, and suggesting activities to spend time at home.

Kepada: ahmad-albab@gmail.com

Daripada: zar-ismail@pintar.com

Subjek: Keadaan Cuaca

Tarikh: 7 November 2019

Ahmad,

Apa khabar awak sekeluarga? Semoga kalian baik-baik sahaja. Sudah lama juga saya tidak berbalas e-mel dengan awak. Bagaimana keadaan di Malaysia? Saya ada terbaca cuaca di sana begitu panas sekali, betulkah?

Di Singapura juga, sudah agak lama hujan tidak turun. Tentunya cuaca di sana kering dan agak panas, ya? Saya sendiri banyak meluangkan masa di kolam renang untuk menyejukkan badan. Tetapi baru-baru ini, keadaan jerebu semakin teruk sehingga pemerintah mengarahkan orang ramai supaya berlindung di rumah.

Mujur di rumah sama ada permainan elektronik PS4. Sekiranya tidak, pasti saya akan berasa bosan. Bolehkan kamu sarankan aktiviti-aktiviti lain yang boleh saya lakukan untuk meluangkan masa lapang saya dengan lebih bermakna?

Baiklah sampai di sini dahulu e-mel dari saya. Sehingga bertemu lagi. Sekian, terima kasih.

Salam ikhlas
Zar Ismail

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Kamu dan adik kamu sedang mencari sebuah hadiah istimewa untuk ayah kamu sempena hari bapa. Semasa mencari-cari di sebuah kedai serbaneka, kamu berdua dihampiri seorang jurujual. Dengan senyuman terukir di bibir, dia bertanya sekiranya dia dapat membantu kerana kamu berdua kelihatan agak bingung. Dia dengan sabar telah mendengar lalu memberikan beberapa cadangan yang sesuai. Akhirnya, kamu berjaya mendapatkan seutas jam tangan yang cantik dan disukai ayah kamu.

Tulis e-mel kepada pengurus kedai itu untuk mengucapkan terima kasih dan memuji jurujual tersebut. Berikan cadangan kepada pengurus itu bagaimana dia boleh membalas kebajikannya.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: nabil-ramli@e-mail.com

Alamat penerima: khidmatpelanggan@ehyon.com.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Gambarkan perasaan kamu ketika pertama kali mengikuti program kemasyarakatan bersama rakan-rakan sedarjah.
4. Tulis sebuah cerita tentang persahabatan yang musnah akibat perbuatan tidak jujur.
5. Tulis sebuah karangan **bermula** dengan:

“Aku mengintip dari belakang pintu. Sepertinya, macam ada yang tidak kena. Sungguhpun berasa takut, aku memberanikan diri dan mengorak langkah memasuki bilik yang gelap itu.”

SELESAI